



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)

AKHBAR	MUKA SURAT
Sinar Harian	
- Kecoh depan lobi MPAJ	39
- Redah hutan Kemensah	04
Utusan Malaysia	
- Kemelut penjaja Bukit Ampang Saujana berterusan	26
The Star	
- COMPOUND DISCOUNT	04
Berita Harian	
- MPAJ cari lokasi baharu parkir	13



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kecoh depan lobi MPAJ
Muka Surat	39

Kecoh depan lobi MPAJ

SH 9/2/17
M/S 39.

Penyerahan memorandum peniaga Bukit Ampang Saujana bertukar tegang

AMPANG - Suasana di lobi bangunan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kecoh seketika apabila ahli sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Jaringan Melayu Malaysia (JMM) dan peniaga kecil Bukit Ampang Saujana terlibat dalam insiden tolak-menolak dengan penguatkuasa MPAJ, di sini, semalam.

Peniaga terbabit yang pada mulanya berhasrat berjumpa Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain untuk menyerahkan memorandum menunggu setengah jam naik angin apabila beliau tidak muncul.

Bagaimanapun, penguatkuasa MPAJ berjaya mengawal keadaan setelah hanya wakil peniaga dan beberapa individu dari JMM dibenarkan bertemu dengan Ketua Bahagian Penjaja, Jabatan Kesihatan Alam Sekitar dan Penjaja MPAJ, Siti Mariam Abdullah untuk menyerahkan memorandum berkenaan.

Ketua Setiausaha JMM, Hamdan Mohd Salleh ber-

kata, pihaknya dimaklumkan MPAJ telah meruntuhkan struktur binaan di kawasan tebing Bukit Ampang Saujana pada 27 Januari lalu.

"Seramai 23 peniaga kecewa dengan tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu, mereka dah berniaga di kawasan tersebut sejak lapan tahun lalu," katanya.

Menurutnya, wakil peniaga sudah beberapa kali cuba berbincang dengan MPAJ.

"MPAJ perlu adakan pertemuan dengan kumpulan peniaga ini dan bukannya melakukan kekerasan untuk halau mereka," katanya.

Hamdan berkata, JMM memohon MPAJ berbincang dengan peniaga kecil itu bagi membolehkan mereka kekal berniaga di sana.

"Kita turut menggesa MPAJ mengkaji semula supaya peniaga kecil ini diberikan lesen perniagaan sah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Peniaga Bukit Ampang, Anuar Omar berkata, permasalahan



Peniaga dan JMM hadir ke lobi MPAJ untuk menyerahkan memorandum.

peniaga di Bukit Ampang ini sudah berlarutan agak lama.

"Sebelum ini, peniaga di Bukit Ampang berniaga di Ampang Waterfront seperti diarahkan MPAJ, tapi tempat itu tak sesuai, malah masalah bau sampah yang mengganggu pelanggan kami.

"Pendapatan yang diperoleh hanya RM30 sehari, kita dah cuba berniaga di sana selama tiga bulan, tapi tak berjaya. Sebab itu kami berniaga di Bukit Ampang," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata,

peniaga tidak dibenarkan berniaga di situ kerana beberapa faktor antaranya keselamatan dan kesesakan lalu lintas.

"Kita pernah tawarkan lokasi perniagaan di Ampang Waterfront, tapi hanya dua penjaja saja yang berpindah.

"Kita melakukan bantahan ke atas penjaja di Bukit Ampang, jumlahnya semakin meningkat sebanyak 22 orang berbanding sebelum ini hanya 15 peniaga. Kita akan tetap melaksanakan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Redah hutan Kemensah
Muka Surat	04

LIBUR / REKREASI KHAMIS | 9 FEBRUARI 2017 | www.sinarharian.com.my/rencana | 04

ST 9/2/17 Ms 04.

Redah hutan Kemensah

CABARAN MENUNGGANG ATV BERI PENGALAMAN BAHARU



Laluan mencabar sepanjang perjalanan.



Aspek keselamatan jadi keutamaan.



Dipelawa mengikuti trip menunggang ATV di ATV Adventure Park Kuala Lumpur cukup memberi pengalaman yang sukar dilupakan. Memandangkan baru pertama kali perasaan takut dan berdebar memang sukar untuk dibendung. Pergi dalam satu kumpulan bukan sahaja menggamatkan suasana tetapi masing-masing dapat memberi sokongan jika ada ahli dalam kumpulan yang masih tidak yakin dan takut.

Apa yang bermain difikiran kami adalah takut ATV yang dinaiki nanti terbalik. Namun alhamdulillah sebelum kami membawa ATV untuk meredah hutan Kemensah, pengajar yang telah berpengalaman telah memberi tunjuk ajar cara mengendalikan ATV sebagai persiapan awal jika berlaku perkara yang diluar jangkaan.

Saat mula mengendalikan ATV di trek khas yang disediakan di kawasan tersebut, saya dapat rasakan satu keseronokan dan mula menyesuaikan diri untuk mengimbangi badan. Tiada lagi rasa ketakutan. Dengan pengendalian brek dan gear yang betul semuanya berjalan lancar.

Kami dibahagikan kepada dua kumpulan untuk memudahkan pemantauan dilakukan oleh pihak yang berkenaan.

Perjalanan meredah hutan boleh dianggap mencabar kerana setiap laluan yang dilalui hanya boleh memuatkan satu ATV dalam satu masa. Jadi masing-masing tidak boleh memandu dalam kelajuan yang tinggi.

Cabaran paling besar adalah kami perlu melalui laluan yang berlokap, menaiki dan menuruni bukit di laluan tanah merah dan perlu mengelak dahan serta ranting pokok di sepanjang perjalanan di dalam hutan.

Paling mengerutkan apabila melalui lereng bukit yang dibawahnya gaung dan kalau tersilap langkah akan mengundang padah.

Tidak setakat itu sahaja, pengalaman ATV yang mati secara tiba-tiba turut membuatkan ahli kumpulan kami tidak senang duduk. Macam-macam yang kami fikirkan.

semula. Selain menikmati keindahan alam semula jadi, ahli kumpulan kami turut diberi penerangan mengenai pokok hutan yang jarang dilihat.

Selapa puas bergambar dan menikmati kesejukan air terjun, tiba masanya untuk kami bergerak pulang. Perjalanan pulang tidaklah rasa lama sangat seperti perjalanan masuk ke hutan sebelum itu. Mungkin masing-masing sudah tahu selok-belok laluan dan sudah boleh mengendalikan ATV dengan baik.

Di sinilah semangat kerjasama berkumpulan dapat dilihat. Di bantu oleh pengajar yang berpengalaman, akhirnya perjalanan menempuhi laluan berliku berjalan lancar.

Mandi air terjun

Sepanjang melalui hutan dan jalan berbukit, kami turut teruja untuk sampai ke lokasi air terjun. Perjalanan yang mengambil masa hampir 30 minit itu berbaloi apabila akhirnya dapat melihat keindahan air terjun yang dikelilingi dengan kehijauan pokok di sekitarnya.

Bunyi deruan air dari atas membuatkan saya dan ahli kumpulan tidak sabar untuk merasai kesejukan airnya dan masing-masing tidak melepaskan peluang untuk mandi dalam tempoh 15 minit sebelum bergerak

Perkongsian pengalaman ini oleh pembaca Sinar Harian Bahari Lahak.



INFO

Lokasi: ATV Adventure Park Kuala Lumpur
- 4.8 kilometer dari Zoo Negara
Laman web: www.atvadventurepark.com
Perkhidmatan disediakan:
• Pakej RM100
• Pakej RM150
• Pakej RM200
• Pakej RM300



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kemelut penjaja Bukit Ampang Saujana berterusan
Muka Surat	26

um 9/2/17 ms 26

Kemelut penjaja Bukit Ampang Saujana berterusan



AMPANG JAYA 8 Feb. – Kemelut melibatkan kira-kira 23 penjaja Bukit Ampang Saujana bagai tiada kesudahan ekoran struktur perniagaan mereka sekali lagi dirobohkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 27 Januari lepas.

Ketua Pengarah Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Hamdan Mohd. Salleh berkata, peniaga hilang punca pendapatan malah sebelum ini didenda berkali-kali sehingga terpaksa membayar saman sebanyak RM12,000.

“JMM mengemukakan tindakan yang seolah-olah ‘membunuh’ penjaja kecil Melayu yang mencari pendapatan seharian untuk menanggung keluarga.

“Saya meminta MPAJ berbanding dengan penjaja dan menyelesaikan isu itu,” katanya selepas menyerahkan memorandum bantahan di Menara MPAJ di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Kebangsaan Ketua Pengarah JMM Wilayah Persekutuan, Faizan Mohd. Nor dan Pengerusi Persatuan Penjaja Bukit Ampang, Amran Omar.

Kedua bertukar kecoh selepas kehadiran mereka dihalang penguat kuasa MPAJ namun berjaya dikawal sebelum memorandum diserahkan kepada wakil MPAJ.

Dalam perkembangan sama, Amran mendakwa, segala rundingan dan surat-menyurat daripada mereka tidak dilayan MPAJ sedangkan perpindahan ke Ampang Waterfront tidak mendatangkan keuntungan kerana lokasinya yang tidak sesuai.

“Untung sudahlah tidak sampai RM30 sehari dan apabila kami berniaga semula ke Bukit Ampang, tujuh penjaja disaman dan dibawa ke mahkamah,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam MPAJ, Norhayati Ahmad ketika dihubungi *Utusan Malaysia* memaklumkan, MPAJ tidak membenarkan mereka berniaga di lokasi itu atas faktor keselamatan.

Menurutnya, kawasan tersebut merupakan selekoh jalan dan operasi perniagaan menyebabkan lalu lintas menurun menjadi satu lorong sekali gus mengundang bahaya.

PENYERAHAN memorandum oleh JMM dan 100 penjaja Bukit Ampang Saujana bertukar kecoh selepas dihalang anggota penguat kuasa MPAJ di Menara MPAJ, Pandan Indah, Selangor, semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	COMPOUND DISCOUNT
Muka Surat	04

COMPOUND DISCOUNT

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ)
is offering a reduction of RM10 for
compounds dated less than 14 days
and RM30 for compounds dated before
that from now until May 31. MPAJ has
also begun to tow and clamp vehicles
of motorists who have repeat offences.

TS 9/2/17
ms 04.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MPAJ cari lokasi baharu parkir
Muka Surat	13

MPAJ cari lokasi baharu parkir

BH 9/2/17
MS 13.

➔ Mahu wujud situasi menang menang penjaja dan orang ramai di Taman Permata

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sedang meneliti cadangan memindahkan 10 penjaja yang ditempatkan sementara di atas tapak parkir di Taman Permata, Hulu Kelang, di sini, bagi memuaskan hati semua pihak.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad, berkata ia berikutan ada bantahan dari pihak tertentu yang mendakwa kesesakan kian teruk sejak peniaga

diberi kebenaran sementara berniaga di atas tapak parkir berkenaan.

Ketika dihubungi BH, semalam, beliau berkata, MPAJ masih mencari lokasi strategik bagi menempatkan penjaja berkenaan secara kekal supaya masalah kesesakan di kawasan itu dapat dikurangkan.

Cari lokasi baharu

Katanya, masih terlalu awal untuk membuat keputusan berikutan MPAJ perlu mencari lokasi baharu tumpuan orang ramai supaya peniaga berkenaan dapat meraih pendapatan.



Norhayati Ahmad

"Kami mahu penjaja turut beroleh manfaat, begitu juga orang ramai. Kami tidak mahu hanya satu pihak yang untung, manakala yang lain berputih mata.

"Kesan daripada bantahan ini, MPAJ sedang mengkaji membuat pelarasan semula dari segi kesesuaian lokasi sementara untuk penjaja berkenaan," katanya.

Halaman Kota baru-baru ini melaporkan penempatan penjaja yang sangat hampir dengan jalan utama membuatkan keadaan menjadi lebih sesak terutama apabila ada pemilik kenderaan yang parkir berganda untuk berhenti membeli.